



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (08)04/C/PD/656/4 Jil. 6

7 Disember 2022

Pk (EL) MPOB 02/2022

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit

Tuan/Puan,

PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF): PEMAKLUMAN PENUTUPAN OPERASI KILANG BUAH KELAPA SAWIT

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-124 yang telah diadakan pada 6 Oktober 2022 telah bersetuju menguatkuasakan tambahan syarat lesen bagi pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) berkaitan pemakluman kepada Lembaga mengenai penutupan operasi kilang.

3. Lembaga akan menguatkuasakan tambahan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2022 [Pk (EL) MPOB 02/2022] sebagaimana yang dilampirkan mulai 1 Januari 2023.

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2022 [Pk (EL) MPOB 02/2022] bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR

Ketua Pengarah



s.k.

- i. Pengurus MPOB
- ii. Setiausaha Bahagian Kanan,
Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) KPK
- iii. Setiausaha Eksekutif MPOA
- iv. Setiausaha Eksekutif POMA
- v. Setiausaha Eksekutif MOPDA
- vi. Setiausaha Eksekutif NASH
- vii. Setiausaha Eksekutif MEOA
- viii. Setiausaha Eksekutif EMPA
- ix. Setiausaha Eksekutif SOPPOA



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB

Rujukan Pekeliling : Pk (EL) MPOB 02/2022

Tarikh Kuatkuasa : 1 Januari 2023

Perkara : **PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF): PEMAKLUMAN PENUTUPAN OPERASI KILANG BUAH KELAPA SAWIT**

1.0 TUJUAN

1.1 Untuk memaklumkan penguatkuasaan tambahan syarat lesen kepada pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) mengenai pemakluman kepada Lembaga berkenaan penutupan operasi kilang yang melebihi dua (2) hari.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) merupakan tunggak utama dalam industri kelapa sawit yang memproses buah kelapa sawit (FFB) bagi menghasilkan minyak sawit mentah (CPO) yang seterusnya digunakan untuk menghasilkan keluaran kelapa sawit yang pelbagai. Tujuan utama MF dilesenkan adalah bagi menjalankan aktiviti mengilang FFB yang dibeli atau diterima dari ladang sendiri, ladang luar, pekebun kecil atau Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF).

2.2 Tindakan sebilangan MF yang menghentikan operasi mengilang FFB secara langsung adalah satu tindakan yang mengecewakan dan telah menjadikan maksud asal lesen itu dikeluarkan tidak lagi wujud. Satu surat peringatan berkenaan perkara ini telah diedarkan kepada semua pemegang lesen kategori MF pada 30 Jun 2022.

2.3 Bagi memastikan industri kelapa sawit Malaysia terus berkembang maju dan berdaya saing, semua pihak dalam rantai pengeluaran minyak sawit hendaklah berusaha dan komited untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran FFB dan minyak sawit Malaysia.

2.4 Sehubungan itu, Lembaga telah mengadakan sesi konsultasi bersama pemegang taruh industri kelapa sawit pada 5 Ogos 2022. Lembaga telah mengambil pendekatan untuk menguatkuasa tambahan syarat lesen ke atas MF berkenaan penutupan operasi kilang bagi membolehkan MPOB merancang ke hadapan bagi membantu pembekal FFB menjual FFB ke MF atau DF lain sekiranya perkara seperti ini berlaku kelak.

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 603-78061485. www.mpopb.gov.my



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

- 2.5 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga ke-124 yang telah diadakan pada 6 Oktober 2022 memutuskan untuk menguatkuasakan tambahan syarat lesen ke atas MF.

3.0 PENGUATKUASAAN PINDAAN SYARAT LESEN

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasakan tambahan syarat lesen di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 bagi pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF):

Tambahan syarat lesen:

"Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Lembaga secara bertulis mengenai penutupan operasi kilang melebihi dua (2) hari yang melibatkan keengganan membeli atau menerima buah kelapa sawit daripada pembekal atau wakilnya tidak kurang daripada empat belas (14) hari daripada tarikh penutupan kilang."

- 3.2 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar apa-apa syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2022 [Pk (EL) MPOB 02/2022] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF).

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2023**.

6.0 PENGESAHAN DAN KELULUSAN

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah MPOB

Tarikh: 07/12/2022

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 603-78061485. www.mpopb.gov.my